

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

1. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUTHARGA

- 1.1. Kontraktor yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang **210101 – Personal Computer And Related Peripheral And Services; 210104 – Software Product And Services; DAN 210105 – Other Computer Related Services.**

Salinan surat Pendaftaran Kontraktor hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

2. PEMILIHAN

Kontraktor boleh membuat tawaran mengikut alamat pendaftaran Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. Kontraktor yang berkelayakan akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Kerajaan juga berhak untuk tidak memilih tawaran tanpa memberi sebarang alasan.

3. HARGA TAWARAN

- 3.1. Harga-harga yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi dilampiran.
- 3.2. Harga-harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua kos pengangkutan, perkhidmatan, peralatan dan lain-lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan ini.
- 3.3. Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebutharga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

4. BON PELAKSANAAN

- 4.1. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 Lampiran 1 (klausa 50.3), kontrak kerja bernilai kurang dari RM200,000.00 adalah tidak tertakluk kepada penyediaan Bon Pelaksanaan.

5. POLISI INSURANS

- 5.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO dalam masa empat belas (14) hari selepas penerimaan tawaran.
- 5.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

6. TEMPOH SAHLAKU TAWARAN

- 6.1. Tempoh sahlaku sebut harga ini ialah 90 hari bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

7. SETUJU TERIMA

- 7.1. Kerajaan tidak terikat mempersetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad. Jabatan tidak terikat untuk melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berkenaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.
- 7.2. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

8. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
4. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkeñaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

**PENGARAH,
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR,
40676 SHAH ALAM.**

SYARAT – SYARAT KHAS

Syarat-syarat khas ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat sebutharga:

1. Berpengalaman dalam kerja-kerja penyelenggaraan sistem komputer dan pemasangan peralatan khutbah multimedia.
2. Mempunyai jaminan pemantauan dan latihan daripada syarikat.
3. Membekalkan peralatan dan perisian yang asli/original.
4. Membaikpulih peralatan/tukar ganti kerosakan **minimum 1 tahun**.
5. Menyiapkan pemasangan ke semua 10 buah Masjid dalam tempoh **1 bulan** selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. (Jadual pemasangan dilampirkan).
6. Mengadakan perbincangan dengan pihak JAIS dan pihak Masjid sebelum kerja-kerja pemasangan dilakukan. Sila hubungi **Ustaz Hairol Azmi Khairudin** di talian **03-55143686** atau **019-2621874**.
7. Mendapat pengesahan daripada pihak JAIS sekiranya melakukan pindaan daripada yang telah ditetapkan.
8. Menanggung kos baik pulih kesan daripada kerosakan ketika melakukan kerja-kerja pemasangan.
9. Menggantikan barang-barang yang rosak termasuk kerosakan akibat daripada panahan petir/kilat.
10. Membekalkan peralatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual A (Spesifikasi Peralatan Khutbah Multimedia).
11. Memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mengganggu aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Masjid.
12. Memastikan tidak melanggar batas-batas pergaulan dan aurat ketika berada di dalam Masjid.

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

SPESIFIKASI TEKNIKAL

GENERAL REQUIREMENTS (MANDATORY)

1. Penyebutharga perlu mematuhi spesifikasi teknikal minimum seperti yang dinyatakan di dalam jadual berikut atau yang setara dengannya. Pernyataan surat sokongan daripada *principle* adalah **MESTI** jika ingin menawarkan spesifikasi yang setara dengan yang dikehendaki.
2. Penyebutharga perlu menyertakan surat perakuan pembekal untuk jaminan selama tiga (3) tahun bersama-sama dokumen ini.
3. Penyebutharga juga dimestikan menyatakan mukasurat/para rujukan *brochure* atau surat pengeluar yang digunakan untuk menyokong pernyataan teknikal pada setiap ruang. Cadangan penyebutharga yang tidak lengkap boleh menyebabkan tawaran penyebutharga **TIDAK DIPERTIMBANGKAN** dan **DITOLAK** daripada proses penilaian sebutharga.
4. Peralatan komputer ini mestilah boleh disesuaikan dengan sebarang persekitaran pejabat dan mempunyai keupayaan tinggi dengan teknologi paling terkini.
5. Pihak penyebutharga mesti melakukan pengujian dan pentauliahan untuk ke semua peralatan yang dihantar, pasang (*installation*), konfigurasi (*configuration*) dan pencantuman (*integration*) bagi memastikan kesemua memenuhi keperluan dan fungsi yang diminta.
6. Pihak penyebutharga wajib menyertakan borang jaminan dari pengilang untuk tempoh tiga (3) tahun selepas sijil pemasangan dan pengujian.

SPEKIFIKASI PERALATAN KHUTBAH MULTIMEDIA

BIL	NAMA PERALATAN	SPEKIFIKASI YANG DIPERLUKAN		TAWARAN PENYEBUTHARGA		CATATAN
		SPEKIFIKASI MINIMUM	KUANTITI	SPEKIFIKASI	KUANTITI	
KOMPUTER PERIBADI						
1	Komputer Peribadi		10			
	▪ <i>Make/Model</i>	Sila Nyatakan				
	▪ <i>Jenis</i>	<i>Business PC</i>				
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Processor</i> • <i>Operating System</i> • <i>Memory</i> • <i>Disk capacity</i> • <i>Network Interface</i> • <i>Graphics</i> • <i>Optical Drive</i> • <i>Display</i> 	<i>Intel Core i3-550 (3.20GHz)</i> <i>Genuine Windows 7 Professional 32 bit (Eng)</i> <i>3GB – DDR3 Memory</i> <i>250GB SATA Hard Drive 7200Rpm</i> <i>Integrated 10/100/1000Mbps Ethernet</i> <i>Integrated Intel Graphic Media Accelerator</i> <i>DVD-RW</i> <i>19" LCD Monitor</i>				

BIL	NAMA PERALATAN	SPESIFIKASI YANG DIPERLUKAN		TAWARAN PENYEBUTHARGA		CATATAN
		SPESIFIKASI MINIMUM	KUANTITI	SPESIFIKASI	KUANTITI	
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Accessories</i> 	<ul style="list-style-type: none"> <i>USB Standard Keyboard</i> <i>USB Optical Scroll Mouse</i> 				
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Form Factor</i> 	<i>Convertible Minitower</i>				
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Security Features</i> 	<i>Security at BIOS level. (e.g. Solenoid Lock)</i>				
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Warranty</i> 	<i>3/3/3 standard warranty. Three years onsite, next business day, three years parts and three years labor and include free telephone support 24 x 7</i>				
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Software</i> 	<i>Microsoft OfficeProPlus 2010</i>	10			
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Antivirus</i> 	<i>Karpersky Antivirus</i>	10			
PROJECTOR						
2.	<i>Projector</i>		20			
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Make/Model</i> 	<i>Sila Nyatakan</i>				
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Native Resolution</i> • <i>Brightness</i> • <i>Lamp Life</i> 	<ul style="list-style-type: none"> <i>XGA(1024 X 768)</i> <i>2500 – 3500 ANSI Lumens</i> <i>Up to 3000 Hours</i> 				

BIL	NAMA PERALATAN	SPESIFIKASI YANG DIPERLUKAN		TAWARAN PENYEBUTHARGA		CATATAN
		SPESIFIKASI MINIMUM	KUANTITI	SPESIFIKASI	KUANTITI	
	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Contrast</i> • <i>Aspect Ratios</i> • <i>Size of color palette</i> • <i>Keystone Correction Vertical</i> • <i>Keystone Correction Horizontal</i> • <i>Terminal</i> 	<p><i>500:1</i></p> <p><i>4:3 support 16:9</i></p> <p><i>16.7 million</i></p> <p><i>Auto / Manual</i></p> <p><i>Auto / Manual</i></p> <p><i>Computer Input : D-Sub 15 Pin X 1</i></p> <p><i>Video Input: Composite Video:</i></p> <p><i>RCA (Yellow) x 1, S-Video x 1</i></p> <p><i>Component Video: D-sub 15pin x 1</i></p> <p><i>Audio Input: RCA (White) x 1, RCA (Red) x 1</i></p> <p><i>Computer Output :D-sub 15pin x 1</i></p> <p><i>Audio Output: Stereo mini jack x 1</i></p>				

BIL	NAMA PERALATAN	SPESIFIKASI YANG DIPERLUKAN		TAWARAN PENYEBUTHARGA		CATATAN
		SPESIFIKASI MINIMUM	KUANTITI	SPESIFIKASI	KUANTITI	
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Warranty 	<p><i>3/3/3 standard warranty. Three years onsite, next business day, three years parts and three years labor and include free telephone support 24 x 7</i></p>				
PROJECTOR SCREEN						
3.	Projector Screen		20			
		<ul style="list-style-type: none"> • <i>Supplied with rocker wall switch</i> • <i>White aluminium housing</i> • <i>All-round black border on 4:3 and 16.9 screens</i> • <i>Flexible bracket placement</i> • <i>Self adjusting high quality bearings</i> • <i>2 year material warranty</i> • <i>5 year motor warranty</i> • <i>Size : 9ft x 9 ft c/w wall mount bracket</i> 				

JADUAL B

JADUAL PEMASANGAN PERALATAN KHUTBAH MULTIMEDIA

BIL	MASJID	TARIKH PEMASANGAN	NAZIR	NO TELEFON PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH
1.	MASJID AN-NUR Lot 6, Jalan USJ 4/1N, 47600 Subang Jaya	7/11/2011	Ariffin Bin Sutan 019-4544006	PETALING 03-55143706
2.	MASJID KOLEJ ISLAM Jalan Universiti, 46350 Petaling Jaya	9/11/2011	Hj Abd Razak Bin Harun 012-3307028 / 03-79549078	
3.	MASJID PUCHONG PERDANA Taman Puchong Perdana, 47100 Puchong	12/11/2011	Hj Yasim Bin Mohamed 019-3567133	
4.	MASJID AL-ULUM Jalan Besar, Kampung Bukit Bangkong, 43950 Sungai Pelik	14/11/2011	Hj Miskam Bin Dolah Yasir 03-31422915	SEPANG 03-87061918
5.	MASJID AL-SHARIF Kampung Simpang Tiga, Jalan Gombak, 53100 Gombak	16/11/2011	Abd Rahim Bin Mohd Nasir 016-3331246 / 03-61854787	GOMBAK 03-42526080
6.	MASJID CAHAYA IMAN No. 11, Jalan Desa 6/9, Bandar Country Homes, 48000 Rawang	19/11/2011	Hj Tolhah Bin Ramli 016-9950608	

BIL	MASJID	TARIKH PEMASANGAN	NAZIR	NO TELEFON PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH
7.	MASJID JAMEK PEKAN KAJANG	21/11/2011	Hj Hanafi Bin Ismail 013-77228082	HULU LANGAT 03-87367230
8.	MASJID AS-SOLIHIN Kampung Teras Jernang, 43000 Hulu Langat	23/11/2011	Mohd Basir Bin Alias 019-6646998	
9.	MASJID NURUL HIDAYAH Kampung Seri Cheeding, 42700 Banting	26/11/2011	Anuar Hamzah Bin Hj Tohar 012-3578185	KUALA LANGAT 03-31875134
10.	MASJID AL-MA'MUNIAH Sungai Nipah Simpang Lima, 45300 Sungai Besar	28/11/2011	Hj Mohd Fadzin Bin Taslimin 012-2108064	SABAK BERNAM 03-32241529